


Wanita
SUKSES

ZAWARA®
SUNDIRIAN BISHAD

SEBAB URUSAN



ZAWARA

PUSAT SEHENTI TERUNGGUL BUAT WANITA - **DILLA**

ZAWARA – JENAMA BUSANA MUSLIMAH YANG TIDAK PERLU DIPERKENALKAN LAGI. MEMILIKI 19 BUAH BUTIK MENERUSI SISTEM FRANCAIS MEMBUKTIKAN LABEL ZAWARA ANTARA PILIHAN FESYENISTA WANITA MASA KINI. DI SEBALIK RENTETAN SUKSES JENAMA INI, BERDIRINYA SEORANG WANITA MUDA YANG GIGIH MEMBAWA ZAWARA SETANDING PESAING TERKENAL YANG LAIN.

Nah Fadila Abu Karim atau sara media diaapa Dilla keah monev drangya. Namut semangat atabita dan impiannya yang tinggi mengunung cukup mengagunkan. Pjn begitu ia ternyata bukan naangan buat waria berusia 29 tahun ini untuk mendaki lautan swai dalam mengagang sebuah kerayaan yang kini menjadi keberagannya.

Menyingskap sejarah awal pembatannya dalam dunia perniagaan, pemegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti South Australia ini tidak lakik berkongsi cerita. Segalaganya bermula dengan minat untuk berniaga. Menjual barangan elektronik secara kecekilian di pusat membeli-belan Sunway Pyramid dijadikan sebagai permulaan buat ibu anak satu ini.

Daripada pengalaman dan ilmu yang diperoleh sepanjang berniaga kecekilian



Halat, bersih dan mesra pelanggan menjadi tarikan orang ramai terhadap mutu perkhidmatan Zawara Coffee.

ZAWARA
MEGA
STORE
28 . NOV . 2015

ini, Dilla terus mengorak langkah dengan mempertingkatkan perniagaan seven wanita sebagai punca rezeki utama.

Dengan usaha tanpa henti dan izin-Nya, Dilla berjaya merealisasikan sebahagian daripada impiannya. Tidak berhenti di situ, Dilla memenuhi seluruh cita-cita dan impian dengan membuka Zawara Coffee, perniagaan berasaskan makanan dan minuman yang warni ama atipikannya.

Saya membuka langkah dalam bidang perniagaan dengan berniaga kecekilian. Selepas menamatkan pengajian, saya tidak mencari kerja sebaliknya terus berniaga barangan elektronik. Disebabkan minat yang sangat mendalam sejak kecil lagi, memilih untuk berniaga dan bekerja sendiri tidak memberi masalah besar kepada saya.

Berpelakan pengalaman daripada perniagaan tersebut, saya terus melancarkan perniagaan baru yang lebih berprestasi berniaga pakatan Muslimah. Ketika itu, perniagaan bisnes Muslimah tidak begitu banyak meskipun permintaan agak tinggi. Namun disebabkan oleh kelangkaan modal yang besar, saya bermula dengan menjual seven wanita blaus sahaja dan dijual secara atas talian.

Secara perlahan, saya mengumpul modal sehingga mampu membeli dan mengeluarkan rekod dress dan tudung. Syukur alhamdulillah, perancangan saya tidak silap. Sampulan yang diterima amat mengagalkan sehingga dapat melakukan nama Zawara dengan jenama besar yang lain. Sela wanita yang cukup apikmu dengan masa depan yang cerah dalam industri seven Muslimah di bandar ini.

MEGA SALE
ZAWARA MEGA STORE
NO.13, JALAN PLUMBLIM P7/P, SEKSYEN 7
SHAH ALAM, 40000 SELANGOR
(SEBARIS PETRONAS)



Bersama kakitangan Zawara yang kreatif dan berinovasi.

TAMBAH ILMU

Setiap orang yang berjaya pastinya mempunyai rahsia kejayaan yang tersendiri. Berpandukan resipi rahsia inilah, mereka mampu mengapai kejayaan dalam segala kerja yang dilakukan. Bagi Dilla, selain kerja keras dan usaha tanpa henti, kesanggupan untuk sentiasa menambah ilmu merupakan senjata utamanya dalam mengejar kejayaan.

Meskipun sudah mampu capai apa yang diinginkan, Dilla tetap meletakkan ilmu di tempat teratas. Dia sama sekali tidak mahu cepat berasa selesa dengan pencapaiannya kini sebaliknya masih terus mencari ilmu selagi ia dapat membantu memaju dan mengembangkan perniagaannya. Ternyata kedudukannya kini bukan alasan buat Dilla berhenti menimba pelbagai ilmu.

"Memperoleh kejayaan hasil kerja keras sebelum ini tidak membuatkan saya terus selesa dengan kedudukan saya sekarang. Sebaliknya, saya tidak akan berhenti daripada menambah ilmu terutamanya berkaitan ilmu perniagaan. Bagi saya, untuk mengembangkan sesebuah syarikat, kita harus sentiasa sanggup untuk menimba ilmu baru.

"Dalam soal ini, saya banyak membaca buku dan menjadikan ia satu minat. Saya juga gemar membaca tentang rahsia kejayaan orang lain untuk dijadikan panduan dan contoh yang baik. Selain itu, saya sentiasa menekankan sikap positif dalam diri dan semua pekerja. Dalam syarikat, saya hanya ingin melihat aura positif sahaja di kalangan mereka.

"Jika ada seorang yang menunjukkan sikap negatif, secara tidak langsung impaknya turut terkena kepada orang sekeliling. Saya berikan satu contoh yang mudah, jika ada seorang individu yang muntah di dalam sebuah bas, orang lain yang berada di dalam bas itu juga akan turut merasai hal yang sama. Begitu juga





Dilla, usahawan muda yang menjadi sumber inspirasi generasi muda.



yang akan terjadi dengan aura negatif ini," luah ibu kepada Fariz Zurkaini Syahril Izhem.

ZAWARA MEGA STORE

Perjalanan jenama Zawara semakin meluas menjelang tahun hadapan. Mengulas lebih lanjut mengenai perancangan tersebut, Dilla kini melangkah setapak lagi dengan

terlaksananya sebuah pusat sehenti di bawah label Zawara Mega Store yang dilancarkan Disember ini.

Zawara Mega Store yang pertama ini dibina di bangunan milik Zawara sendiri di Seksyen 7, Shah Alam.

"Permulaan tahun 2016 memperlihatkan satu lagi perkembangan jenama Zawara apabila kami melancarkan sebuah butik yang menggunakan konsep pusat sehenti. Kalau sebelum ini butik Zawara hanya menawarkan baju dan tudung, di Zawara Mega Store pula semua kelengkapan wanita Muslimah ada di sana. Kami turut menyediakan pelengkap gaya wanita seperti kasut, beg tangan dan aksesori.

"Pembukaan butik terbesar ini lebih mengujakan apabila kami turut melancarkan koleksi alat solek, Zawara Look. Ia terdiri daripada rangkaian alat solek yang berkonsepkan cepat dan pantas. Sesuai digunakan oleh para gadis yang sentiasa sibuk dan dalam masa yang sama ingin tampil cantik.

"Matlamat kami, dengan adanya Zawara Mega Store, pelanggan dapat bergaya dengan lengkap hanya dengan mengunjungi sebuah kedai sahaja," ujar Dilla yang berkongsi perniagaan ini dengan abangnya, Kamarul Arif Abd Karim.

IMPAK ZAWARA COFFEE

Ber cerita lanjut mengenai Zawara Coffee yang kini menjadi fenomena baru di kalangan warga kota, Dilla mengakui ia adalah satu pelaburan besar mereka memandangkan kos operasi untuk membuka Zawara Coffee cukup tinggi. Namun demi minat serta impiannya untuk mempunyai rangkaian restoran food & Beverage, Dilla optimis dengan masa depan Zawara Coffee di negara ini.

"Alhamdulillah, Zawara Coffee mendapat sambutan yang cukup hebat daripada orang ramai. Idea untuk buka Zawara Coffee memang sudah ada sejak awal, cuma kita menunggu masa yang sesuai untuk merealisasikannya.

"Kita menyediakan satu konsep yang bersesuaian dengan lifestyle masyarakat Muslim hari ini. Bukan sahaja lebih moden tetapi keutamaan kita ialah menyediakan makanan dan minuman yang bersih, halal dan lebih bercita rasa," ujar Dilla yang cukup teruja dengan impak yang mengejutkan daripada orang ramai terhadap pembukaan Zawara Coffee sejak awal Mei lalu.

Menurut Dilla, sebelum membuka Zawara Coffee, mereka terlebih dahulu membuat R&D terhadap konsep dan menu yang sesuai. Bahkan, Dilla sendiri menjelajah sehingga ke Itali untuk melihat sendiri pengoperasian dan konsep restoran di sana.

"Zawara Coffee bakal mempunyai rangkaian outlet di kebanyakan tempat yang strategik dalam masa terdekat. Sekarang, kita mempunyai tujuh outlet termasuk di Bukit Jelutong, Bangi, Setapak, Cyberjaya, Setia Alam, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Saya percaya sesiapa sahaja berasa selesa dan enjoy menikmati hidangan di sini. Selain konsep yang menarik, terdapat pelbagai menu yang sangat enak seperti Churros, soft shell crab burger, kacang pool Johor, Butterscotch Macchiato dan aneka kopi yang menyelerakan. Di sini, kita menawarkan hidangan dengan menu dengan harga yang sangat berpatutan dan affordable kepada segenap lapisan masyarakat," ujar usahawan muda yang cukup berrisi ini. H